

KARNIVAL SUKAN KELUARGA SPE (KASUGA 2008)

Karnival Sukan Keluarga (KASUGA) 2008 telah berjaya dianjurkan bagi kali ke 5 baru-baru di pelbagai lokasi pertandingan. Ianya melibatkan beberapa jenis sukan antaranya Futsal, Bola Keranjang, Bola Jaring, Ping Pong, Bowling, Tarik tali serta pelbagai permainan Sukaneka. Karnival Sukan telah berlangsung selama 5 hari dengan mendapat penyertaan yang begitu memberangsangkan dari pelajar-pelajar dan kakitangan SPE. Majlis penutupan Karnival Sukan Keluarga 2008 telah dilakukan oleh Dekan SPE, Prof. Madya Dr. Hj. Kassim Hj. Md. Mansur sejurus pertandingan akhir futsal berakhir. Pensyarah-pensyarah turut menyertai acara tarik tali yang mana pasukan pensyarah & kakitangan berjaya

menumpaskan pasukan yang disertai oleh pelajar-pelajar. Kemeriahinan turut dirasakan dengan aktiviti sukaneka yang dijalankan dengan suasana penuh semangat kekeluargaan dan keriangan. Kemuncak Karnival Sukan Keluarga 2008 ialah penyampaian Piala Kejuaraan yang di menangi oleh Program Perhotelan yang disampaikan oleh Dekan SPE, Prof. Madya Dr. Hj. Kassim Hj. Md. Mansur. Menurut Pengarah KASUGA 2008, Saudara Basran Hamid, penyertaan pelajar bagi KASUGA 2008 bertambah baik berbanding tahun-tahun sebelum ini dan ini menunjukkan aktiviti sukan keluarga ini berjaya menarik minat pelajar untuk bersukan.